

12 OCT 2003

OIC-Keselamatan (bergambar)/I

KAWALAN KESELAMATAN KETAT DI SEKITAR VENUE PERSIDANGAN

PUTRAJAYA, 12 Okt (Bernama) -- Beratus-ratus anggota polis yang dilengkapi bot dan helikopter, ditempatkan di kawasan strategik di sekeliling Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC), venue sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di sini.

Komander pasukan berkenaan, SAC 1 Mohamad Muda berkata kawalan keselamatan sempena persidangan yang dihadiri ketua-ketua negara dan kerajaan dari 57 negara OIC itu membabitkan pengawasan darat, udara dan juga tasik seluas 630 hektar di Putrajaya.

"Kita memberi penekanan kepada kawalan menyeluruh bagi memastikan keselamatan anggota-anggota delegasi tidak diambil mudah," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

"Kita tidak mahu delegasi atau anggota sekretariat OIC terdedah kepada sebarang ancaman," kata Mohamad yang juga Komander Polis Marin.

Beliau berkata kawasan tasik yang mengelilingi Putrajaya akan diawasi bagi mencegah sebarang pencerobohan.

Putrajaya, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang baru, meliputi kawasan seluas 4,931 hektar.

Mengenai Ekspo 2003 yang diadakan di kawasan lapang bersebelahan PCC, Mohamad berkata kawasan berkenaan juga akan dikawal ketat.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmi ekspo itu Selasa ini.

Mohamad berkata sebahagian daripada anggota pasukannya turut bertugas dalam Persidangan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), Februari lepas.

"Kita juga bersedia menangani sebarang keadaan yang memerlukan pemindahan kecemasan," katanya.

Selain daripada pengangkutan udara, tasik juga menjadi laluan strategik bagi usaha pemindahan itu, katanya.

Mohamad sementara itu berkata pasukan keselamatan peribadi delegasi asing tidak dibenarkan membawa senjata ke PCC.

"Kita berharap mereka akan mematuhi kerana ia telah dimaklumkan lebih awal dan kita tidak mahu ia menjejaskan pelan keselamatan yang telah diatur," katanya.

Sebanyak 8,000 anggota keselamatan termasuk dari unit pemusnah bom dan tentera bertugas menjaga keselamatan pada sidang kemuncak itu.

-- BERNAMA

VP NIM MKO MOZ